

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 25 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan adakah akan dibina jalan menghubungkan perkampungan masyarakat Orang Asli di Pos Lemoi, Cameron Highlands ke jajaran utama jalan Ringlet ke Sungai Koyan. Jika ada, bila projek tersebut akan dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa bekerjasama dengan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dalam usaha meningkatkan kualiti infrastruktur dan Ameniti sosial terutamanya projek pembinaan jalanraya yang akan memudahkan aktiviti kehidupan seharian masyarakat Orang Asli.

Projek pembinaan jalan bagi menghubungkan perkampungan Orang Asli di Pos Lemoi, Cameron Highlands ke jajaran utama jalan Ringlet telah dibina melalui projek khas pada tahun 2017. Projek tersebut yang menelan belanja sebanyak RM3 juta dan dilaksanakan oleh JKR Daerah Cameron Highlands sebagai penguasa dan agensi pelaksana bermula pada 5 September 2017. Projek siap sepenuhnya pada 16 Mac 2018. Manakala perancangan bagi penyambungan jajaran jalan tersebut ke Sungai Koyan pula sedang dalam pertimbangan untuk pelaksanaan dalam RMKe-12.